

KULIAH USTAZ HJ ALI HJ MOHAMAD
--------------------------------

19 September 2001, jam 2330 - 20 September 2001, jam 0230

## *Nilai Seorang Mursyid*

**A**DA pelbagai cara yang dilalui oleh masyarakat hari ini dalam menilai dan mempelajari tasauf.

Umumnya cara itu dapat digolongkan kepada tiga:

- Pembacaan umum tanpa keinginan untuk mendalami tasauf. Penuntut sedemikian dikatakan **penerima riwayat** kerana cenderung atau ingin *bertabarruk* (ambil barakah) hasil pembacaan itu.
- Ada pula golongan yang ingin mengamalkan tasauf untuk keperluan peribadi demi membersihkan jiwa atau istilahnya *mujahadah nafs* iaitu mensucikan rohani daripada sifat cela (*mazmudah*) dan menyerap sifat mulia (*mahmudah*).
- Akhirnya ada pula golongan yang menunjukkan dua ciri golongan tadi iaitu mahu membaca, mendalami, membersihkan jiwa dan selanjutnya mengamalkan tasauf sebagai satu perjalanan.

Sesungguhnya bagi kita, selaku penuntut atau murid tasauf, maka kita berada dalam golongan ketiga. Untuk memulakan perjalanan, tentulah kita perlu peta dan mungkin penunjuk jalan (guide). Orang yang akan memandu kita itu dipanggil secara umum sebagai guru sufi yang arif (serba tahu akan disiplinnya).

### ISTILAH GURU SUFI

**T**erpapar sekurang-kurangnya lapan istilah merujuk kepada guru sufi (kesemuanya dalam bahasa Arab):

- 1 *Mursyid* iaitu orang yang memberikan petunjuk (*irsyad*)

- 2 *Sheikh* iaitu nama yang sering dikaitkan sebagai ketua guru atau *pengetua*. Lazimnya Sheikh digunakan kepada guru kanan.
- 3 *Murabbi* iaitu orang yang mengajarkan ilmu pendidikan (*tarbiah*)
- 4 *Maulana* iaitu gelar 'tuan' guru yang sudah mencapai darjat tinggi (seperti profesor).
- 5 *Mua'llim* iaitu guru yang memberikan ilmu ('ilm)
- 6 *Mudarris* iaitu pengurus satu pengajian (*darasah*, juga dikaitkan dengan *madrasah*).
- 7 *Muaddib* ialah guru yang mengajar adab (tata susila atau decorum). Manusia dipanggil 'adib' dalam hubungan dengan Khaliq (Penciptanya).
- 8 *Ustaz* ialah gelar biasa bagi profesi guru. Ia lazim sekali digunakan dalam rantau sebelah sini terutama di Singapura, Malaysia dan Brunei. Tetapi di Indonesia sering ustaz dipanggil *kiai*.

## MENGAPA BERGURU

**B**erguru merupakan satu konsep setua tamadun manusia.

Ibu bapa adalah guru semulajadi yang awal kepada anaknya. Bersekolah bertujuan untuk berguru ilmu. Walaupun sampai usia bekerja, seseorang tidak putus-putus berguru.

Demikianlah dengan tasauf. Apabila proses tasauf itu dijadikan untuk amalan hidup yang dipanggil perjalanan sufi atau tarikat, maka mendapatkan guru amatlah genting.

Manusia paling mulia di sisi Allah SWT termasuk Nabi Musa as, iaitu seorang ulul azmi (pemimpin agung) juga berguru. Kisahnya terpapar dalam surah al-Kahfi, iaitu Nabi Musa menemui Nabi Khidir as untuk mempelajari hal-hal ghaib yang sukar masuk akal, tetapi berlaku kerana kehendak Allah SWT.

Guru tasauf ialah pembimbing rohani yang perlu mempunyai dua kelayakan iaitu selaku mua'llim (menguasai dan penyampai ilmu) dan murabbi (pendidik yang tahu ilmu pendidikan atau tarbiah). Guru begini dipanggil

sheikh dalam konteks perguruan tasauif. Murid tasauif pula dipanggil *salik* dan perjalanannya dipanggil *suluk*.

Namun sheikh yang lengkap dipanggil *mursyid* apabila ia mencapai kelayakan untuk membimbing muridnya dari segi kerohanian.

Bagaimanapun, mursyid juga dianggap 'specialis' atau pakar dalam bidang-bidang lain seperti fiqh atau syariah. Bezanya dalam konteks disiplin tasauif, mursyid hendaklah dilihat sama-sama mengamalkan ilmunya bersama-sama murid seperti solat tahajjud (dalam rangka mendirikan solat malam atau qiamulail atau disebut proses *tarbiyah rohiyah* - penyantunan roh), berwiridan dan seterusnya. Tegasnya mursyid tasauif melaksanakan dan menunjuk ajar akan apa yang diajarkannya.

### CABARAN MASA KINI

**P**eredaran zaman menimbulkan ujian besar dalam mencari dan memilih mursyid. Kita semakin jauh dari zaman Nabi saw, para sahabat, pengikut sahabat (tabi'en) dan pengikut kepada pengikut sahabat (tabi'en wat tabi'en). Tempoh Nabi dengan pengikut kepada pengikut sahabat ialah 300 tahun iaitu mungkin sehingga zaman Imam al-Ghazali. Selepas itu berlaku pencairan (dilution) dari segi kekentalan ilmu yang asal.

Antara sebabnya ialah pengaruh kebendaan merupakan kejahatan (*thagut*) yang telah meleka atau melalaikan kita semua.

Namun dalam tradisi tasauif, terdapat koda profesionalisme atau etika yang menentukan apakah wajar seseorang itu menjadi mursyid.

Sekurang-kurangnya ada 14 syarat yang perlu ada bagi seseorang itu layak dipanggil mursyid:

- 1 Menguasai dan melaksanakan ilmu syariah sebagai tiang agama. Ertinya mursyid tadi tidak mengabaikan keperluan solat, zakat, puasa dan haji. Peribadinya tertakluk dengan hukum Allah SWT.
- 2 Hatinya terbuka kepada teguran dan kritikan
- 3 Ilmunya benar atau sahih (bukan ilmu sihir dsb)

- 4 Berkemahuan/hemah tinggi kerana hendak membina prestasi diri dan muridnya.
- 5 Berpandangan jauh (umat Islam memandang jauh kerana adanya akhirat sebagai destinasi kita)
- 6 Dermawan (tidak sekalipun lokek) walaupun keperluannya tinggal sehelai sepinggang.
- 7 Berbudi pekerti luhur
- 8 Kasih sayang terhadap semua manusia; tanpa rasa perkauman atau memandang bulu/diskriminasi
- 9 Zuhud (menolak kebendaan) dan hidup dengan amat sederhana.
- 10 Tidak membesarkan diri dengan kehebatannya (self promotion seperti kononnya punya karamah atau dapat melihat yang ghaib iaitu kashaf)
- 11 Tidak mengeluh ketika diuji (terutama kekurangan dari segi ekonomi)
- 12 Amat perahsia (tidak mendedahkan keaiban atau kekurangan orang lain)
- 13 Hadir hatinya untuk Allah SWT semata
- 14 Kesan kesalihannya terparap kepada usahanya (tanpa menunjukkan sesuatu yang luar biasa seperti karamah).

### **KARAMAH**

Karamah ialah kurnia Allah SWT kepada insan salih sehingga ia mempunyai kelebihan yang tidak dimiliki oleh manusia biasa. Hal ini tiada guna dibahaskan kerana soal karamah adalah atas kehendak Allah.

### **BUKAN SEORANG MURSYID**

**P**ertanda yang menunjukkan seseorang itu bukan seorang mursyid terparap pada sekurang-kurangnya lapan ciri:

- 1 Tidak menguasai dan mengendahkan syariat seperti tidak tahu soal pensucian atau thaharah, fardu a'in dsb
- 2 Memandang rendah atau melecehkan orang lain.
- 3 Mengambil peduli perkara remeh
- 4 Mengikut hawa nafsu yang membawa kepada maksiat (seperti mengambil isteri muridnya)
- 5 Pekerti buruk seperti suka mengumpat
- 6 Pura-pura dalam setiap amalannya seperti bersolat
- 7 Berharap kepada manusia (minta gelaran atau pangkat dan bantuan ekonomi)
- 8 Memandang rendah terhadap aulia (para wali) atau guru tasauf yang lain.

Panduan begini penting kerana tasauf merupakan disiplin yang amat tinggi dan banyak dugaannya. Ia memastikan agar murid itu tidak tersesat daripada landasan hingga terkeluar daripada sifat mukminnya. Peringatan ini diberikan oleh Abu Yazid al-Bustami yang maksudnya:

*“Andai kau melihat orang yang kononnya diberi karamah itu dapat terbang, janganlah kau ikuti dia sehinggalah dia melaksanakan segala hukum-hukum Allah SWT.”*

#### **PENGECUALIAN**

Ada ketika seseorang mursyid menunjukkan sifat luar biasa atau tidak normal ketika jiwanya bersama Allah SWT. Ini dikatakan keadaan zhouk (ecstasy) atau terlalu asyik. Kata-katanya seakan-akan sukar dinilai logiknya seperti yang berlaku kepada al-Hallaj yang menyatakan ‘Ana al-Haq’ (Akulah Tuhan). Hal ini telah menggegarkan orang ramai. Akibatnya al-Hallaj dijatuhi hukuman pancung kerana kesalahannya dari segi syariat. Namun darahnya yang mengalir di sungai bertukar menjadi kalimah

*lailahaillah*. Oleh itu, murid perlu memahami sikap dan sifat gurunya.

Sebelum hukuman tadi al-Hallaj dikatakan berpesan:

*“Terimalah ucapanku yang sesuai dengan ilmumu. Andai kata dapati ucapanku bertentangan dengan ilmumu, maka jangan kau terima dan jangan kau pegangi agar kau tidak sesat dari jalan yang benar.”*

Adakala amalan tasauif menghampiri mistik iaitu dunia ghaib jin. Fenomena ini dipanggil ‘istidraj’. Bantuan jin membolehkan pengamal tasauif itu mempunyai semacam kehebatan sehingga dianggap karamah. Oleh itu berwaspadalah.

Menurut cerita, penghulu aulia Sheikh Abdul Qadir al-Jilani berkhawat (bersendirian untuk beribadat), terdengar suara yang menyatakan bahawa beliau sudah sampai ke satu maqam dan tidak perlu lagi bersolat atau beribadat seperti manusia yang lain.

Segera Sheikh Abdul Qadir membaca ta’audz (audzubillah...). Suara itu terhenti. Sesungguhnya suara itu datang daripada syaitan yang cuba menggoda Sheikh Abdul Qadir.

Kemudian Sheikh Abdul Qadir bermunajat (meminta kepada Allah SWT) agar dapat berdialog dengan syaitan itu. Daripada penjelasan syaitan tadi, difahamkan 70 orang mursyid yang menghampiri maqam wali telah terjerat oleh pujukan syaitan. Cerita ini hendaklah membuat sesiapaapun berwaspada kerana syaitan adalah musuh nyata manusia.

Dalam zaman Wali Songo yang berdakwah di tanah Jawa yang dikuasai Majapahit (abad ke-14 masihi), salah seorang daripada mereka yang bernama Syeikh Siti Jennar telah terlalu condong kepada amalan kebatinan sehingga mengetepikan syariat. Majlis para wali itu menggugurkan beliau daripada keanggotaan dan menganggapnya tersesat.

**BAHAYA KEPADA TARIKAT**

Antara bahaya tarikat yang paling ketara ialah perbuatan meninggalkan syariat seperti solat dsb. Apabila guru tasauf tidak melaksanakan syariat, maka gugurlah peranannya sebagai murabbi .

**Tegasnya mursyid mempunyai dwiperanan = f(mua'llim + murabbi)**

#### MAKSUD TARIKAH/T

**P**erjalanan pensucian rohani, bersama dengan mengukuhkan syariah, adalah proses yang dipanggil perjalanan suluk. Ia dilakukan oleh mursyid bersama muridnya.

Asal-muasal tarikh ialah daripada Rasulullah saw. Konsep pensucian diri untuk mendekati Allah SWT (murraq) bermula apabila Sayidina Ali bin Abi Thalib bertanyakan kepada baginda – cara paling mudah, paling cepat dan berkesan untuk mendekati Rabbi. Diringkaskan cerita, Rasulullah saw mengajarkannya agar sering menyebut kalimah (berzikir) tahlil iaitu '*lailahillah*'.

Daripada zikir mudah muncul *hizb* (jamak: ahzab) seperti takbir, tahmid dsb. Apabila susunan dibentuk agar zikr mempunyai rentak, maka muncullah *wirid* (jamak: *aurad*) dan *ratib* (bacaan wirid berlagi dan beramai).

Lazimnya mursyid akan menyusun zikr dan membentuk semacam ikatan atau persetiaan (bai'at) yang merupakan amalan Nabi saw bersama para sahabat.

Dari ikatan atau persetiaan tadi, maka muncullah 'sekolah' atau 'mazhab' yang dipanggil tarikh. (Mazhab digunakan untuk fikah seperti mazhab Syafi'e).

Tarikh mengajarkan cara atau *kaifiah* bagaimana proses wirid, pensucian rohani dapat mencapai matlamat tertentu. Tegasnya ada proses *tadrib* (ujian) ke atas cara (methodology) tadi yang membuktikannya ia berjaya.

Demi menghormati mursyid yang memulakan kaifiat tadi, maka tarikh dinamakan sempena sheikh berkenaan. Yang demikian muncullah tarikh yang memberikan 'ijazah' (kelayakan) kepada murid yang mengikutinya. Antara nama-nama tarikh ialah Qadiriyyah (sempena Sheikh Abdul Qadir al-Jilani), Naqsyabandiah (sempena Sheikh Bahauddin al-Naqsyabandi).

Secara umum, majlis wirid atau disebut oleh masyarakat Melayu sebelah sini sebagai wiridan itu berbagai bentuk.

Tahlilan atau khenduri doa selamat adalah baik asalkan ia tidak membazir atau memberatkan.

Membaca Dibai'e (sempena susunan wirid oleh Sheikh Abdurrahman ad-Dibai'e) dan Barzanji (sempena Sheikh Ja'afar al-Barzanji) yang merupakan zikir dan solawat (memuliakan Nabi saw) merupakan perkara-perkara yang digalakkan dalam amalan tasauf kerana membawa keberkatan.

**TAMAT**